

# Perkembangan R&D genetik perkukuh bidang sains

UTUSAN MALAYSIA

8/9/2017 p.22

**P**ENYELIDIKAN berkaitan genetik semakin berkembang daripada pembiakan terpilih tradisional tumbuhan dan haiwan kepada kaedah moden genetik penjujukan DNA, manipulasi genetik dan terapi gen, kata Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Datuk Dr. Husaini Omar.**

Katanya, penyelidikan telah menghasilkan perkembangan teknologi dan akan terus meningkatkan lagi kemajuan disiplin itu serta menyumbang ke arah kesejahteraan manusia.

Katanya, penggunaan terma genetik pertama kali direkodkan pada awal abad ke-20, meskipun pengetahuan mengenainya telah diketahui berabad-abad lamanya.

“Sejak itu, kita telah berkembang maju daripada pembiakan terpilih tumbuhan dan haiwan kepada kaedah moden genetik penjujukan DNA, manipulasi genetik dan terapi gen, dan sebagainya,” katanya ketika merasmikan

Seminar 2017 Persatuan Genetik Malaysia (PGM) bertemakan *Ke Arah Kecemerlangan Dalam Genetik* yang diadakan sempena Mesyuarat Agung (AGM) PGM ke-22, di Serdang baru-baru ini.

Tiga penceramah iaitu Fellow Kanan dan Pengarah, Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh; Prof Dr. Fong Mun Yik dari Jabatan Parasitologi, Fakulti Perubatan Universiti Malaya (UM); dan Ketua Bioteknologi dan Pembiakan, Penyelidikan dan Pembangunan, Sime Darby Plantation, Dr. David Ross Appleton membentangkan hasil kajian bidang masing-masing.

Dr. Husaini berkata, UPM berbesar hati menjadi tuan rumah majlis itu apabila penceramah dapat berkongsi kepakaran dan pengalaman berkaitan genetik.

“Kepakaran dan pengalaman yang dikongsi itu akan menjadi panduan, terutama oleh saintis muda. Anda (penceramah) juga memberikan perangkaian

jaringan yang tidak ternilai untuk semua,” katanya.

Sementara itu, Presiden PGM, Dr. Mohamad Osman yang menamatkan penggal jawatannya berkata, bidang genetik berkembang pantas dengan impak yang meluas terhadap hampir semua aspek kehidupan, dari pertanian kepada industri dan kepada perubatan, serta telah memberi banyak sumbangan bermakna kepada kesejahteraan manusia.

“Seminar ini adalah platform yang baik untuk mengetengahkan pelbagai topik ini. Saya berharap seminar ini akan memberi satu lagi peluang untuk ahli dan bukan ahli untuk mengikuti perkembangan terbaharu,” katanya.

Dua penerbitan baharu PGM, *A Practical Compendium 3 on Advances on Plant Breeding* dan *Transactions of PGM Number 4, Current Advances in Plant Breeding* serta laman web PGM yang dikemas kini [www.persatuangenetikmalaysia.com](http://www.persatuangenetikmalaysia.com) dilancarkan pada majlis itu oleh Dr. Husaini. - UPM



**DR. HUSAINI OMAR** melakukan gimik pelancaran Seminar PGM di Serdang, Selangor baru-baru ini, yang turut dihadiri bekas PGM Prof. Dr. Mohamad Osman (dua dari kiri).